

**SENARAI PROJEK / PROGRAM PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN 2015-2016  
DI BAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk	Fokus WPA 21			Objektif & Sasaran / KPIs	Keterangan Ringkas
		Dasar	Struktur Organisasi	Pelaksanaan Organisasi		
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>						
1	Penyediaan Perintah Establishmen Kecantikan dan Kesihatan, 2016 (EKK)	✓			<b>OBJEKTIF</b> Menjurus kepada penguatkuasaan berkaitan dengan aktiviti Establishmen Kecantikan dan Kesihatan (EKK).	Persediaan untuk menyediakan rang undang-undang khas untuk Establishmen Kecantikan dan Kesihatan (EKK).
2	Penyediaan Buku Panduan Proses Tuntutan dan Kutipan Cukai Bangunan	✓			<b>OBJEKTIF</b> Mengemaskini dan menambahbaik sistem pentadbiran percukaian serta penyeragaman di ketiga-tiga Jabatan Bandaran.	Menyediakan buku panduan sebagai garis panduan pegawai-pegawai percukaian di Jabatan-Jabatan Bandaran.
3	Satu Kampung Satu Produk (1K1P)			✓	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bilangan produk 1K1P yang didaftarkan.</li> <li>• Bilangan kampung yang mempunyai produk 1K1P.</li> <li>• Bilangan produk 1K1P yang dikomersilkan.</li> </ul>	Program 1K1P ialah salah-satu usaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam menggerakkan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, Negara Brunei Darussalam untuk bergerak aktif di dalam membantu masyarakat ke arah meningkatkan kesejahteraan dan sosio-ekonomi melalui projek perekonomian setempat.
<b>JABATAN DAERAH BELAIT</b>						
4	Projek-projek Bagi Meningkatkan Hasil Tahunan Jabatan		✓		<b>OBJEKTIF</b> Menilai peratus peningkatan hasil tahunan Jabatan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengurangkan tunggakan-tunggakan hasil tahunan.</li> <li>2. Menyediakan senarai induk kutipan hasil Jabatan yang komprehensif bagi sewa barek, sewa tapak gerai dan sewa aset / kemudahan-kemudahan.</li> <li>3. Merebui dan meningkatkan kadar-kadar sewa aset / kemudahan-kemudahan.</li> <li>4. Mengenakan bayaran-bayaran sewa-sewa aset kemudahan yang belum pernah dikenakan bayaran.</li> <li>5. Merancang dan melaksanakan program-program PPP (Public Private Partnership) bagi asset-asset yang bersesuaian.</li> </ol>
5	Pengisian Jawatan Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang (PEKERUPA)			✓	<b>OBJEKTIF</b> Menilai jumlah peningkatan pengisian jawatan PEKERUPA	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan jerayawara bagi memberigakan kekosongan jawatan-jawatan Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang (PEKERUPA) di peringkat Daerah.</li> <li>2. Mengiklankan jawatan-jawatan PEKERUPA sekerapnya melalui pelbagai cara dan melalui pelbagai media massa.</li> <li>3. Mengadakan rancangan pengantian dan seterusnya mengenal pasti penduduk-penduduk yang mempunyai bakat untuk menjadi Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang. 'Talent Pool'</li> </ol>
6	Peningkatan Penggunaan Teknologi – GEMS		✓		Peratus data dan maklumat pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait yang dapat dimuatnaik ke dalam sistem GEMS	Mendokong saranan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menggunakan sistem GEMS bagi mempercepat dan memperkasakan lagi sistem pengurusan dan pentadbiran pegawai dan kakitangan kerajaan di Jabatan Daerah Belait.
7	Mengurangkan Pembaziran			✓	Peratus Penurunan Tuntutan Bagi Pemakaian Utiliti	Mendokong saranan Kerajaan bagi menjimatkan penggunaan khususnya tenaga elektrik dan air.

JABATAN DAERAH TEMBURONG					
8	Pengamalan Penggunaan Emel Kerajaan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mempercepatkan lagi perhubungan di antara Jabatan dengan pihak-pihak yang lain</li> <li>● Memudahkan lagi perhubungan dalaman di antara pegawai dan kakitangan di Jabatan</li> <li>● Mengurangkan lagi perbelanjaan operasi Jabatan</li> </ul>	<p>Sebelum emel diperkenalkan, perhubungan di antara Jabatan dan Kementerian adalah menggunakan surat-surat rasmi Kerajaan seperti minit, memo dan persuratan letterhead.</p> <p>Jabatan berusaha untuk mengurangkan kekerapan penghantaran surat (dispatch) ke Bandar Seri Begawan kerana ianya melibatkan kos pengangkutan yang tinggi.</p>
9	Pengurusan Latihan-latihan seperti Keusahawanan, Pentadbiran dan Kepimpinan bagi Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan kemahiran Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung dalam mentadbir Mukim dan Kampung masing-masing.</li> <li>● Melalui kursus kepimpinan juga dapat meningkatkan lagi kewibawaan Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung sebagai pemimpin di Mukim dan Kampung masing-masing.</li> <li>● Latihan keusahawanan juga dijalankan bagi menggalakkan dan meningkatkan lagi penghasilan dan penjualan Satu kampung satu produk yang sedia ada.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebagai pemimpin di sebuah Mukim atau Kampung, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung perlu mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, gaya kepimpinan yang berkualiti dan berwibawa ke arah pencapaian kecemerlangan Mukim dan Kampung bagi memartabatkan kegemilangan Daerah Temburong.</li> <li>● Sebagai pemimpin yang berwibawa dan berkualiti, hubungan yang baik dengan penduduk kampung juga perlu bagi sama-sama membantu dalam menjayakan apa-apa jua projek atau aktiviti di Mukim atau Kampung masing-masing.</li> <li>● Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung juga diberikan pendedahan terhadap keusahawanan yang lebih berkesan agar penghasilan Satu Kampung Satu Produk meningkat.</li> </ul>
10	Pengkalan data (Database) Peniaga		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Menyediakan satu sistem data dan maklumat terperinci peniaga-peniaga bagi rujukan Pegawai dan kakitangan.</li> <li>● Menggantikan buku rujukan peniaga-peniaga yang mana ia menyukarkan rujukan.</li> <li>● Lebih selaras dengan konsep 'Ease of Doing Business' dimana peniaga kini boleh memohon bagi membaharui Lesen Perniagaan melalui onebiz.gov.bn</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pengkalan data peniaga memuatkan butir peribadi, butir asas perniagaan serta perkara-perkara lain iaitu status Sijil Halal, jumlah pekerja asing dan tempatan, zon semi-urban atau rural, dan gred kedai makan dan minum.</li> <li>● Penggunaan Microsoft Excel bagi Pengkalan data ini memudahkan pencarian cepat akan maklumat peniaga yang diperlukan bagi pelbagai keperluan.</li> <li>● Pengemaskinian lebih teratur dan cepat.</li> </ul>
11	Prosedur dan Kertas Temuduga Peniaga		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memantapkan dan memudahkan prosedur memproses permohonan, memaklumkan, menemuduga dan mengeluarkan surat tawaran dan dukacita.</li> <li>● Menetapkan tugas kepada Pegawai dan kakitangan untuk prosedur temuduga ini.</li> </ul>	<p>Prosedur dan proses kerja lebih teratur, cepat dan telus seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Sistem permarkahan diperkenalkan mulai 2016 bagi memudahkan pemilihan penyewa.</li> <li>● Jumlah Ahli Panel dikurangkan.</li> <li>● Soalan-soalan lebih ringkas dan padat.</li> </ul> <p>Sistem kehadiran lebih teratur dan memudahkan Ahli Panel membuat rujukan bagi pemilihan.</p>
12	Penelitian dan Draf Surat Perjanjian Peniaga dan Jabatan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Merangka dan menyediakan satu Surat Perjanjian yang lebih komprehensif dan kemaskini dengan bantuan Pejabat Peguam Negara.</li> <li>● Mengurangkan atau mengelakkan tunggakan hasil Kerajaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Surat Perjanjian pada masa sekarang tidak dikemaskini lebih 10 tahun dahulu dan tidak pernah diteliti dan dikomen keberkesannya oleh Jabatan Peguam Negara.</li> <li>● Peniaga didapati mengambil sambil lewa akan peraturan-peraturan yang dinyatakan didalam Surat Perjanjian seperti melengah-lengahkan pembayaran sewa atau tidak membayar langsung.</li> <li>● Beberapa clause dicadangkan untuk ditambah untuk memastikan penyewa akur dalam mematuhi peraturan yang telah dipersetujui dan untuk membolehkan Kerajaan membuat tindakan undang-undang.</li> </ul>
13	Pengemaskinian Sistem Failing		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengemaskini sistem fail di beberapa Bahagian utama.</li> <li>● Memudahkan Pegawai dan Kakitangan untuk mendapatkan dokumen lebih cepat.</li> <li>● Mengurangkan work hazards.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Di beberapa bahagian utama, tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk penyusunan dan penempatan fail-fail yang semakin meningkat dari masa ke semasa yang mana telah menjejaskan pengurusan fail yang berkesan.</li> <li>● Beberapa penambahbaikan telahpun dibuat seperti pembuatan rak-rak fail.</li> </ul>
JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA					
14	Memberi Kefahaman kepada Peniaga-Peniaga Mengenai Peraturan dan Syarat-Syarat Lesen Yang Diperuntukkan Di bawah Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Setia		✓	<p><b>OBJEKTIF</b></p> <p>Untuk memastikan tidak ada pelanggaran syarat akta lesen</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberi taklimat mengenai peraturan dan syarat-syarat lesen bagi setiap jenis aktiviti / kegiatan keatas premis</li> <li>● Pemeriksaan harian bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan</li> </ul>

15	Operasi Bersepadu Bersama Agensi-Agensi Kerajaan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Untuk memantapkan lagi operasi bersepadu dalam pelbagai aspek yang berkaitan dengan peraturan-peraturan dan Akta Bandaran</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Operasi diadakan melalui aduan orang awam</li> <li>● Operasi yang dibuat oleh agenis-agensi yang lain yang berkaitan dengan kesalahan akta dibawah Lembaga Bandaran Kuala belait dan Seria</li> </ul>
16	Memberikan Kesedaran Kepada Peniaga dan Orang Ramai Mengenai Dengan Kesalahan Pembuangan Sampah di Tempat Awam di Bawah Akta Kesalahan Kecil Penggal 30 Bab 12		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> ● Bagi memastikan tiada pembuangan sampah di merata tempat dikawasan kawalan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria ● Memastikan keadaan Bandar Kuala Belait sentiasa bersih</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberikan taklimat kepada peniaga-peniaga</li> <li>● Mengedarkan risalah dan tatacara bagi rujukan</li> <li>● Pemasangan papan tanda</li> <li>● Menjalankan denda kompaun</li> </ul>
17	Penyelarasan Sistem Hal Ehwal Cukai Bangunan (Property Inventory Database)		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Untuk membincangkan dan mengemaskini hal ehwal cukai serta perkiraan dan penyeragaman dari aspek penaksiran rumah dan bangunan dengan mengambilkira aspek kemudahan asas yang diterima di dalam kawalan Jabatan Bandaran setiap daerah.</p>	Adapun penyelarasan sistem hal ehwal cukai ini adalah membuat perkiraan cukai yang lebih terperinci dengan maklumat-maklumat yang tepat (lengkap) yang berkaitan dengan penambahbaikan dan pembaharuan berbandukan kepada perkiraan dari masa ke semasa
18	Pemberian Sijil Penggredan Kebersihan Restoran/ Kedai Makan		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> ● Untuk memastikan para pengusaha premis makanan akan terus komited tentang aspek kebersihan dan keselamatan makanan ● Untuk menjaga tahap kualiti kebersihan makanan disamping menjaga keselamatan, keindahan, keselesaan dan perkhidmatan kepada pelanggan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Bagi tahun 2015 terdapat 73 buah premis makanan dinilai tahap kebersihannya yang dibahagikan kepada 2 fasa dilakukan pemeriksaanya secara berperingkat-peringkat</li> <li>● Fasa 1/2015 sebanyak 36 premis makanan selesai pemberian sijil penggredan pada bulan jun 2015 yang lalu</li> <li>● Manakala fasa 2/2015 sebanyak 37 premis makanan selesai pemberian sijil penggredan pada bulan september 2015</li> </ul>
19	Menaiktaraf Infrastruktur		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Memastikan bangunan - bangunan kerajaan di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria dalam keadaan selamat dan terpelihara</p>	<p>Menyediakan projek-projek baru dan menaiktaraf bagi kemudahan, keselesaan, keselamatan dan kesejahteraan aset-aset Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Memberi keselesaan kepada kakitangan jabatan dalam menaiktaraf keindahan di bangunan pejabat utama jabatan</li> <li>● Memastikan kesejahteraan, keselesaan dan keselamatan barek - barek kediaman kakitangan jabatan</li> <li>● Memberikan kemudahan dan keselesaan peniaga-peniaga dan meningkatkan perekonomian peniaga di bangunan-bangunan kerajaan</li> </ul>
20	Peningkatan Kemudahan - Kemudahan Riadah dan Bersukan Peringkat Daerah		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Meningkatkan taraf taman-taman riadah di bawah kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria</p>	<p>Menyediakan projek-projek melalui peruntukan khas tahunan dan melaksanakan projek - projek berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● kerja-kerja menambah kemudahan-kemudahan awam di Taman Jubli Perak Kuala Belait</li> <li>● Kerja-Kerja menambah kemudahan awam di Taman Sultan Omar Ali Saifuddien Seria</li> <li>● Kerja-kerja menambah kemudahan awam di taman persiaran jalan Sungai Kuala Belait</li> <li>● Kerja-kerja membaiki dan membina laluan penajaln kaki kawasan Taman Jubli Perak, Jalan Maulana Kuala Belait</li> </ul>
21	Mempertingkatkan Perancangan dan Pelaksanaan Pembangunan Sumber Tenaga Manusia Dari Segi Kecekapan, Keupayaan, Kemahiran dan Kelayakan Melalui: Latihan / Bengkel / Exchange Program / Peningkatan Taraf Akademik dan Seumpamanya		✓	<p><b>OBJEKTIF</b> Untuk menjadikan pembangunan sumber tenaga manusia yang lebih teratur</p>	<p>Mencalonkan pegawai dan kakitangan untuk menghadiri kursus/taklimat/bengkel/mesyuarat yang telah dikendalikan oleh pihak Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan-Jabatan Kerajaan/Pihak swasta dan mencalonkan pegawai dan kakitangan untuk menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan bidang di luar negeri tertakluk kepada peruntukan</p>